

PROJEK PENERBITAN KREATIF RM4J

Siasatan peringkat akhir

Putrajaya: Siasatan dalaman berhubung kes perolehan projek penerbitan bahan kreatif bernilai RM4 juta dikaitkan dengan seorang Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berada di peringkat akhir.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa berkata, setakat ini beliau belum menerima taklimat daripada Datuk Bandar Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif berhubung hasil siasatan.

Menurutnya, beliau akan menetapkan tarikh yang sesuai untuk mendengar

taklimat berkenaan yang dijangka diadakan secepat mungkin.

“Saya pasti ramai yang tahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga sedang menyiawat kes berkenaan.

“Kita akan beri kerjasama sepenuhnya kepada pihak penguat kuasa yang bertanggungjawab,” katanya pada majlis perasmian Kar-

nival Sukan Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2025 di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan DBKL mengadakan siasatan dalaman berhubung dakwaan salah laku ahli lembaga penasihat yang juga penerbit dan pengarah filem yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

“Saya pasti ramai yang tahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga sedang menyiawat kes berkenaan”

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa